



### Mindmapping Tingkat Daya Ingatan – Tony Buzan



*Semua peserta yang menghadiri seminar Unlocking Potential - Good Thinking oleh Tony Buzan.*

**SERDANG, 22 Feb** – Keberkesanan 'mindmapping' (peta minda) yang terbukti secara saintifik dapat meningkatkan daya ingatan seseorang terhadap sesuatu informasi telah memukau ramai pihak seperti pelajar dan pekerja untuk menggunakannya.

"Ciri eksklusif peta minda yang menjimatkan kertas ialah dengan meningkatkan kreativiti penggunaan kata kunci, warna dan simbol tambahan yang mudah difahami bagi menghasilkan nota ringkas.

"Kesukaran mengingati fakta bukan masalah besar sekiranya masyarakat mempraktikkan teknik efektif semasa dan selepas menerima informasi," kata guru peta minda, Tony Buzan pada seminar Unlocking Potential – Good Thinking selama tiga hari dari 22 hingga 24 Februari yang dianjurkan oleh Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan (GSM) Universiti Putra Malaysia di sini.

Buzan merupakan penceramah terkenal yang telah berkongsi rahsia kehebatan peta minda dan teknik berfikir secara efektif dan kreatif di syarikat Microsoft, IBM, Walt Disney, Oracle dan Barclays International itu bertujuan untuk menyingkap teknik mengoptimumkan memori.



*Tony Buzan sedang berinteraksi dengan para peserta yang hadir.*

Beliau berkata masalah lupa fakta yang berulang kali dipelajari di sekolah, buku, majalah dan televisyen disebabkan memori tidak dijana sepenuhnya selain dipengaruhi oleh persepsi kesukaran untuk mengingat.

Katanya minda kreatif boleh dibentuk dengan memikirkan kelebihan dan kekurangan sesuatu objek yang mudah seperti klip kertas untuk mengelakkan otak daripada mengecut

kerana tidak digunakan.

“Maklumat tidak akan luput daripada ingatan jika kita fokus. Individu yang berjaya menggunakan otak kanan dan kiri semasa mengingati sesuatu informasi akan menghasilkan impak yang hebat.

“Amalan permainan juggling misalnya boleh membantu kita mengaktifkan penggunaan otak kerana ia mewujudkan kesan zig zag yang menghubungkan otak kiri dengan otak kanan secara berselang-seli,” katanya.



*Tony Buzan sedang menunjukkan teknik juggling.*

**Berita ini ditulis oleh Seksyen Media, Publisiti dan Penerbitan UPM.(Praktikal: Siti Madiah Shahrizan 03-89466013).**

---

Hak Cipta Terpelihara 2007  
Universiti Putra Malaysia